

# UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 1994/95

Oktober/November 1994

AKU403 - PERAKAUNAN KOS

Masa: [3 jam]

## ARAHAN

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi LAPAN muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab mana-mana EMPAT soalan sahaja.

### Soalan 1

- (a) Syarikat Sedar mengagihkan kos jabatan perkhidmatannya dengan menggunakan sama ada kaedah langsung ataupun kaedah berperingkat. Maklumat yang berikut adalah berkaitan dengan kos.

#### Jabatan-Jabatan Perkhidmatan

Jabatan J, Penyelenggaraan bangunan dan kawasan	RM 18,000
Jabatan K, Kilang dan pentadbiran	RM 22,500

#### Jabatan Pengeluaran

Jabatan V, Pemasangan	RM 16,000
Jabatan Z, Pemesinan	RM 24,000

	Jam buruh langsung	Luas meter persegi	Anggaran jumlah jam buruh
Jabatan J, Penyelenggaraan bangunan dan kawasan	-	800	1,800
Jabatan K, Kilang dan pentadbiran	-	600	1,000
Jabatan V, Pemasangan	850	1,750	700
Jabatan Z, Pemesinan	1,150	1,250	500
	<u>2,000</u>	<u>4,400</u>	<u>4,000</u>
	===	===	===

...2/-

AKU403

Andaikan bahawa Jabatan Penyelenggaraan bangunan dan kawasan menyediakan 75% daripada perkhidmatannya kepada jabatan yang lain. Penyelenggaraan bangunan dan kawasan diagihkan dengan berasaskan luas meter persegi. Kilang dan pentadbiran diagihkan dengan berasaskan anggaran jumlah jam buruh. Andaikan bahawa kos penyelenggaraan bangunan dan kawasan diagihkan terlebih dahulu di bawah kaedah berperingkat.

Dikehendaki:

- (i) Agihkan kos-kos jabatan perkhidmatan tersebut dengan menggunakan kaedah langsung.
- (ii) Dengan menggunakan data yang sama, agihkan kos-kos jabatan tersebut dengan menggunakan kaedah berperingkat.
- (iii) Bincangkan perbezaan diantara pendekatan berarah kelakuan (behaviour oriented) dan pendekatan berarah fungsian (functional oriented) keatas pengekosan produk.

[15 markah]

- (b) Syarikat Perabot Leman, menghasilkan perabot-perabot pejabat dengan tempahan khas. Satu tempahan telah dimulakan dan diselesaikan di dalam bulan Ogos. Tiada perabot lain dikeluarkan di dalam bulan tersebut. Overhed kilang dikenakan pada kadar RM4.00 untuk setiap jam buruh langsung. Maklumat kos yang berkaitan untuk bulan Ogos adalah seperti yang berikut:

	Tempahan 444
Bahan Langsung	RM11,500
Buruh Langsung	
Kos	RM10,500
Jam	3,500
Overhed kilang	
Bahan tidak langsung	RM10,000
Overhed kilang lain-lain	3,000
	-----
Jumlah overhed kilang	RM13,000
	=====

...3/-

Tempahan 444 telah ditempah oleh Syarikat Bidin. 1,000 unit kerusi pejabat telah ditempah. Harga jualan adalah RM40 bagi setiap kerusi, belanja jualan dan pentadbiran yang berkaitan dengan tempahan 444 adalah sebanyak RM1,500.

Sediakan lembaran tempahan (job order cost sheet). Andaikan bahawa tempahan telah dibuat pada 1 Ogos dan diselesaikan pada 31 Ogos.

[10 markah]

Soalan 2

- (a) Syarikat Haruman Semerbak mengeluarkan minyak wangi yang diproses di dalam dua jabatannya. Maklumat berikut adalah berkaitan dengan kedua-dua jabatan tersebut.

	<u>Jabatan 1</u>	<u>Jabatan 2</u>
UNIT:		
Unit dimulakan di dalam proses		
100% bahan langsung, 65% siap pada kos pertukaran	5,000	
100% bahan langsung, 40% siap pada kos pertukaran		7,000
Unit dimulakan di dalam pemrosesan	50,000	
Unit dipindahkan ke Jabatan 2	45,000	
Unit ditambah ke dalam pengeluaran		5,000
Unit di pindahkan ke stok barang siap		48,000
Unit akhir kerja di dalam process:		
100% bahan langsung, 75% siap pada kos pertukaran	10,000	
100% bahan langsung, 50% siap pada kos pertukaran		9,000
Kos:		
Inventori permulaan, kerja di dalam proses daripada jabatan sebelumnya	0	RM30,000
Inventori permulaan, kerja di dalam proses daripada jabatan sendiri:		
Bahan langsung	RM 13,000	14,600
Buruh langsung	8,500	9,200
Overhed kilang (digunakan)	10,975	11,760
	<u>RM 32,475</u>	<u>RM 35,560</u>
	=====	=====
Di tambah ke dalam pengeluaran		
Bahan langsung	65,000	45,000
Buruh langsung	90,000	70,000
Overhed kilang (digunakan)	55,000	40,000
Jumlah	<u>RM210,000</u>	<u>RM155,000</u>
	=====	=====

...4/-

Maklumat tambahan:

Kesemua bahan langsung ditambah pada peringkat permulaan proses di setiap jabatan; manakala kos pertukaran dimasukkan secara sama rata sepanjang proses.

Dikehendaki:

- (a) Sediakan Laporan Kos Pengeluaran (cost of production report) bagi setiap jabatan di bawah kaedah FIFO.
- (b) Terangkan perbezaan didalam perakaunan untuk kerosakan normal dan abnormal dibawah pengekosan proses.

[25 markah]

Soalan 3

- (a) Syarikat Segi-Bina menghasilkan empat jenis produk bersama, Uno, Duo, Tri dan Quo. Oleh kerana perbezaan di dalam permintaan buruh, produk-produk tersebut diberikan wajaran seperti berikut: Uno, 4.5 mata; Duo, 9 mata; Tri, 6 mata; dan Quo 5 mata.

Maklumat mengenai kos adalah seperti berikutny:

Jabatan C:

Bahan langsung	RM80,000
Buruh Langsung	40,000
Overhed kilang	30,000
Jumlah kos	<u>RM150,000</u> =====
Unit:	
Uno	16,000
Duo	10,000
Tri	13,000
Quo	12,000
Jumlah unit	<u>51,000</u> =====

...5/-

Dikehendaki:

- (i) Dengan menggunakan kaedah kos purata wajaran (weighted average cost), agihkan kos bersama Jabatan C kepada produk-produk.
- (ii) Agihkan kos bersama dengan menggunakan kaedah purata unit kos mudah (simple average unit cost) dengan menggunakan andaian yang produk-produk tersebut tidak mempunyai wajaran.

[8 markah]

- (b) Adakah terdapat sebarang perbezaan di antara keluaran bersama dan keluaran sampingan? Terangkan. Apakah faktor utama yang menentukan samada sesuatu produk itu adalah keluaran bersama ataupun keluaran sampingan.

[7 markah]

- (c) Maklumat berikut adalah bagi Syarikat Musik Wawasan untuk tahun 1990. Syarikat Wawasan mengeluarkan seruling mainan.

Stok barang siap	45,000 unit
Kuantiti piawai bahan langsung dibenarkan	5 unit untuk setiap barang siap
Bahan langsung sebenar digunakan di dalam pengeluaran	180,000 unit
Bahan langsung di beli	200,000 unit
Kos piawai bahan langsung seunit	RM2.50
Kos sebenar bahan langsung seunit	RM1.75
Jam piawai buruh langsung dibenarkan	6 jam setiap unit
Jam sebenar buruh langsung berkerja	230,000 jam
Kadar upah piawai buruh langsung	RM6.00 sejam
Kadar upah sebenar buruh langsung	RM6.50 sejam

Dikehendaki:

- (i) Varians harga bahan langsung.
- (ii) Varians kecekapan bahan langsung.
- (iii) Varians kecekapan buruh langsung.
- (iv) Varians harga buruh langsung.

[10 markah]

...6/-

Soalan 4

(a)	Jumlah jam sebenar buruh langsung	5,500	
	Jam piawai buruh langsung yang dibenarkan	6,200	
	Keupayaan normal	7,600	
	Overhed kilang sebenar	RM56,000	
	Belanjawan overhed kilang pada keupayaan normal		<u>Kadar</u>
	Overhed kilang berubah	RM45,600 (i)	RM6.00
	Overhed kilang tetap	RM30,400 (ii)	RM4.00
	Jumlah	<u>RM76,000 (iii)</u>	<u>RM10.00</u>
		=====	=====

- (i) = 7,600 x RM 6.00
- (ii) = 7,600 x RM 4.00
- (iii) = 7,600 x RM10.00

Dikehendaki:

Tentukan varians overhed kilang bagi bulan tersebut dengan menggunakan analisis tiga faktor bagi varians-variens overhed kilang.

[15 markah]

- (b) Maklumat berikut adalah berkaitan dengan aktiviti pembelian dan pengeluaran bagi Syarikat Yakin:

Masa tunggu:	4 minggu
Harga seunit:	RM2.50
Kos pesanan:	RM10.00 bagi setiap pesanan
Kos menyimpan:	RM0.50 seunit bagi setiap tahun
Kadar penggunaan inventori:	200 unit seminggu
Keperluan tahunan:	10,400 unit

Nota: Pada masa yang lalu, Syarikat Yakin telah memesan bahan mentah sebanyak 2,600 unit, sebagai bekalan untuk 13 minggu.

...7/-

Dikehendaki:

- (i) Kirakan EOQ dengan menggunakan kaedah formula.
- (ii) Kirakan titik pesanan (order point).
- (iii) Kirakan titik pesanan baru, sekiranya stok keselamatan dikehendaki untuk melindungi dari masa menunggu selama 6 minggu dan pertambahan di dalam penggunaan kepada 250 unit seminggu.

[10 markah]

Soalan 5

- (a) Senaraikan dan terangkan secara ringkas LIMA (5) daripada limabelas (15) keperluan yang harus diperhatikan di dalam pembentukan dan pengedaran laporan prestasi yang digunakan oleh kesemua jenis pengurusan yang berbeza-beza.

[8 markah]

- (b) Apakah faktor penting yang perlu di pertimbangkan untuk membangunkan sebuah struktur organisasi?

[7 markah]

- (c)

**Syarikat Melor**  
Penyata kewangan berbanding  
bagi tahun 1988 dan 1989

	<u>1988</u>		<u>1989</u>	
	<u>Belanjawan</u>	<u>Sebenar</u>	<u>Belanjawan</u>	<u>Sebenar</u>
Jualan	RM48,000	RM45,000	RM45,000	RM40,000
Kos Jualan	28,000	17,000	25,000	15,000
Untung Kasar	<u>RM20,000</u>	<u>RM28,000</u>	<u>RM20,000</u>	<u>RM25,000</u>
Nisbah Untung Kasar	42%	62%	44%	63%

Kos data seunit

	<u>1988</u>		<u>1989</u>	
	<u>Belanjawan</u>	<u>Sebenar</u>	<u>Belanjawan</u>	<u>Sebenar</u>
Kuantiti (unit)	3,000	3,000	5,000	4,000
Harga jualan	RM16	RM15	RM9	RM10
Kos	RM9.33	RM5.67	RM5.0	RM3.75
Untung Kasar	<u>RM6.67</u>	<u>RM9.33</u>	<u>RM4</u>	<u>RM6.25</u>

...8/-

Dikehendaki:

Lakukan analisis untung kasar seperti mana yang pihak pengurusan akan lakukan pada 31 Disember 1989 dengan menggunakan data-data di atas. Kirakan kesan ke atas perubahan harga, perubahan kos dan perubahan volum.

[10 markah]